

16/04/2001

Pelajar UIAM dinasihati tidak sertai perhimpunan

KUALA LUMPUR, Ahad - Polis menasihatkan orang ramai, terutama pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA), tidak menyertai mana-mana perhimpunan yang dirancang ketika majlis perasmian universiti itu, Selasa ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Nik Ismail Nik Yusoff, berkata polis sudah mengambil langkah tambahan bagi memastikan upacara perasmian UIA oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, berjalan lancar.

"Kita sudah mengambil langkah perlu bagi memastikan tiada sebarang gangguan ketika perasmian Selasa ini," katanya di sini hari ini.

Sejak minggu lalu, pihak-pihak tertentu mengedarkan risalah mengenai perhimpunan bagi membantah perasmian universiti itu.

Risalah itu antara lain meminta orang ramai berhimpun di depan pagar utama UIA bagi memastikan Perdana Menteri tidak dapat merasmikan universiti berkenaan.

Penganjurnya menjangkakan kira-kira 20,000 orang menyertai perhimpunan haram itu.

Nik Ismail berkata, bagi memastikan tiada sebarang kejadian buruk berlaku, polis akan menempatkan anggota tambahan di UIA, selain mendapatkan bantuan Pasukan Polis Simpanan Persekutuan (FRU).

"Anggota FRU ditempatkan di dua balai polis berhampiran universiti iaitu di Balai Polis Taman Melawati dan Ibu Pejabat Polis Gombak di Rawang. Mereka boleh digerakkan bila-bila masa jika keadaan memerlukan," katanya.

(END)